

23 JAN 2002

Ali-Taski

MELAKA AKAN PINDA ENAKMEN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA BAGI KAWAL TASKI

MELAKA, 23 Jan (Bernama) -- Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Negeri Melaka (EPSANM) akan dipinda bagi memasukkan pengawalan ke atas Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (Taski), kata Ketua Menteri Datuk Seri Mohamed Ali Rustam.

Beliau berkata pindaan itu yang dijangka dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri pada April ini juga bagi memastikan Taski mengikuti kurikulum yang ditetapkan.

Kajian mengenai pindaan itu sedang dilakukan oleh penasihat undang-undang negeri, Majlis Agama Islam Melaka (Maim) dan Jabatan Agama Islam Melaka (Jaim), katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Air Keroh, hari ini.

Beliau berkata kerajaan negeri menyokong kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas yang kerajaan mungkin akan memperkenalkan undang-undang baru atau meminda undang-undang sedia ada bagi mengawal pembukaan taman didikan kanak-kanak (tadika) atau taski supaya matlamatnya tidak diselewengkan.

Mohamed Ali berkata kerajaan negeri akan mengeluarkan surat kepada semua tadika dan taski yang tidak berdaftar untuk berbuat demikian mengikut peruntukan undang-undang sedia ada di negeri itu.

Ketua Menteri berkata kini terdapat 28 Pasti (tadika kelolaan PAS) di Melaka dan berharap pentadbiran pusat asuhan itu mendaftarkannya dalam tempoh sebulan ini.

"Mengikut peruntukan EPSANM, mereka yang melanggar peraturan itu boleh dibawa ke mahkamah dan tindakan denda RM2,000 atau penjara setahun boleh dikenakan ke atas mereka yang bersalah," katanya.

Beliau berkata pendidikan kanak-kanak di peringkat prasekolah perlu diberi tumpuan yang lebih dan tindakan PAS berselindung di sebalik taski dan tadika untuk mempengaruhi pemikiran kanak-kanak membenci pemimpin dan kerajaan amat dikesali.

Menurutnya sekiranya ada enakmen yang khusus untuk mengawal perkembangan proses pendidikan di peringkat prasekolah, ia akan dapat membantu kanak-kanak daripada terus dipengaruhi dengan pelbagai dakwah.

-- BERNAMA

SBS RHM